

GANGGUAN SEKSUAL DAN KANAK-KANAK: SATU TINJAUAN UNDANG-UNDANG

Suria Fadhillah Md Pauzi^{1*}, Shamsinar Rahman²

²*Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Kampus Raub, 27600 Raub,
Pahang, Malaysia*

suriapauzi@pahang.uitm.edu.my;

¹*Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Kampus
Raub, 27600 Raub, Pahang, Malaysia*

shamsinar512@pahang.uitm.edu.my

**Corresponding author*

Abstrak: Gangguan seksual merupakan satu bentuk tingkah laku yang berbentuk seksual sama ada dalam bentuk gurauan,pandangan,bahasa,komen-komen yang boleh menggugat keharmonian diri mangsa dan meletakkan beliau dalam keadaan tidak selesa mahupun takut. Kes gangguan seksual menjadi lebih serius pada masa ini apabila didapati ia telah menembusi sekolah dan pusat pengajian tinggi yang selama ini merupakan pusat budaya ilmu dan produktiviti. Gangguan seksual ini sekiranya tidak dibendung boleh menjelaskan kemandirian pelajar, kepercayaan pada diri dan masa depan mereka. Pada masa yang sama, imej pusat pendidikan dan para pendidik dan staff institusi berkenaan akan turut sama tercalar.Kajian ini bertujuan untuk melihat peruntukan undang-undang sedia ada bagi menangani isu jenayah ini. Kajian ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran pelajar khususnya berkenaan jenayah seksual dan seterusnya satu penyelesaian dapat dicapai di peringkat pusat pendidikan bagi mengurangi jumlah kes jenayah ini.

Kata Kunci: Gangguan Seksual, Pusat Pendidikan, Undang-Undang

Pendahuluan

Institusi pendidikan merupakan suatu tempat menuntut ilmu dan meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran. Ia boleh merujuk kepada beberapa kategori pelajar sama ada di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah institusi pengajian tinggi awam dan swasta dan juga kolej-kolej kemahiran. Ia adalah tempat yang dilihat mampu membantu seseorang pelajar itu maju dan membina kerjaya pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, kes-kes gangguan seksual yang melibatkan mangsa dalam kalangan pelajar sekolah dan bawah umur semakin menjadi-jadi dan merunsingkan pihak institusi pendidikan. Kebanyakan pelajar sekolah pastinya belum cukup dewasa untuk membuat pertimbangan bagi mengelakkan tragedi yang tidak diingini ini daripada terus berlaku.

Kanak-kanak sekolah yang merujuk kepada mereka yang berada di sekolah menengah, mereka adalah remaja dan mereka lebih risau berkenaan isu sosial seperti penampilan diri, pergaulan dengan rakan, penerimaan rakan terhadap diri mereka dan lain-lain lagi (Mohamed, 2015). Seperti yang semua sedia maklum, kes gangguan seksual ke atas kanak-kanak sekolah ini boleh berlaku di mana sahaja sama ada seperti di sekolah, di dalam bilik darjah, di padang atau pun di luar sekolah seperti di pusat tuisyen, rumah dan di tempat lain. Pelaku gangguan seksual ini juga boleh terdiri daripada sesiapa sahaja seperti guru, penjaga, rakan sebaya dan boleh merangkumi sama ada orang yang dikenali oleh pelajar atau orang luar yang tidak dikenali oleh pelajar.

Dr. Mariani Mohd. Nor yang merupakan seorang pensyarah dari Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Universiti Malaysia (UM) menjelaskan bahawa, gangguan seksual kanak-kanak boleh ditakrifkan sebagai perlakuan seseorang individu terhadap kanak-kanak dengan cara mengugut atau mempengaruhi mangsa untuk melakukan hubungan seksual atau secara gangguan seperti memasukkan objek ke dalam mulut, tubuh dan mengakibatkan kesakitan fizikal kepada kanak-kanak tersebut. Selain itu perbuatan mengusap-usap juga membuatkan seseorang kanak-kanak itu keliru sama ada ianya adalah sentuhan kasih sayang atau sebaliknya. (www.utusan.com.my). Manakala menurut Sabitha dan

Rusimah (2000), gangguan seksual boleh dikategorikan kepada dua iaitu yang pertama (i) suatu bentuk ancaman dan yang kedua (ii) merujuk kepada persekitaran yang tidak selesa. Di dalam konteks akademik, ancaman merujuk kepada tingkah laku yang tidak diingini, yang tidak diundang, yang tidak disangka, manakala persekitaran yang tidak selesa pula merujuk kepada tingkah laku di dalam sistem pembelajaran yang mengganggu seseorang pelajar untuk fokus di dalam pembelajaran.

Mengikut kepada statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), dalam tahun 2014 hingga 2016, sebanyak 7862 kes di siasat berhubung gangguan seksual terhadap pelajar berumur bawah 18 tahun. Gangguan seksual boleh berlaku sama ada secara fizikal atau bukan fizikal. Sebagai contoh bercakap lucah kepada kanak-kanak, membela bahagian sulit pada badan kanak-kanak, memberi kanak-kanak menonton video lucah dan bermacam lagi. Di Malaysia, terdapat banyak akta yang wujud, oleh hal yang demikian, takrifan kanak-kanak, jika di teliti adalah berbeza mengikut kepada keperluan sesuatu akta itu. Menurut Seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) merujuk kanak-kanak adalah seorang dibawah umur 18 tahun. (Thambapillay, S.,2002).

Kes gangguan seksual terhadap kanak-kanak bukanlah satu isu baharu di Malaysia. Terdapat pelbagai kes gangguan seksual yang dilaporkan dan kes-kes ini memberikan kesan negatif kepada seseorang kanak-kanak itu. Tingkah laku gangguan seksual terhadap pelajar ini boleh menyumbang kepada sikap antisosial dan rasa kecewa dalam kalangan kanak-kanak (Unicef Malaysia, 2010). Selain daripada itu perubahan sikap seperti kemurungan dan gangguan emosi juga boleh berlaku ke atas seseorang kanak-kanak yang berdepan isu gangguan seksual. Perkara seperti ini boleh menjadi sejarah hitam di dalam diri seseorang kanak-kanak selain membuat mereka berasa trauma dan mereka akan mudah berasa takut dan serik untuk berdepan dengan orang lain yang lebih dewasa.

Undang-Undang dan gangguan seksual terhadap kanak-kanak

Terdapat pelbagai peruntukan undang-undang yang mengawal perbuatan jenayah yang melibatkan gangguan seksual. Diantaranya adalah seksyen 377C Kanun Keseksaan yang melibatkan hukuman meliwat, seksyen 377D Kanun Keseksaan yang melibatkan penghinaan terhadap kesopanan, seksyen 509 Kanun Keseksaan yang menggariskan kesalahan sekiranya seseorang mengeluarkan perkataan atau isyarat yang bertujuan menghina maruah seseorang dan beberapa peruntukan yang lain. Walaupun peruntukan -peruntukan ini wujud, namun ia tidak memberi definisi yang tepat berkenaan dengan gangguan seksual. Malah beban pembuktian yang tinggi menyebabkan adalah agak sukar untuk membuktikan kejadian itu benar-benar berlaku. Berkenaan dengan keterangan kanak-kanak, dengan jelas seksyen 118 Akta Keterangan 1950 (Akta 56) menyatakan hanya mereka yang berkelayakan dan berkemampuan sahaja yang layak untuk memberi keterangan sumpah di mahkamah. Dengan kata lain, mereka yang tidak berkeupayaan untuk memberi keterangan akibat faktor umur atau kesihatan adalah saksi yang tidak kompeten dan natijahnya keterangannya tidak boleh diterima oleh pihak mahkamah. Seksyen 1113A Akta Keterangan 1950 (Akta 56) menyebut bagi kanak-kanak yang berumur masih mentah atau tidak matang, keterangannya masih boleh diterima sebagai keterangan tidak bersumpah dengan syarat bahawa dia mempunyai kecerdasan akal yang mencukupi dan memahami kewajipan bercakap benar bagi mewajarkan kebolehterimaan keterangannya.

Mahkamah di dalam kes Pendakwaraya v. Gurdial Singh a/l Pretum Singh [2002] MLJ 429 memutuskan bahawa walaupun saksi iaitu kanak-kanak tersebut sudah berusia sembilan tahun dan mempunyai kebijaksanaan yang mencukupi untuk memberi keterangan, namun sekiranya beliau tidak memahami erti sumpah, maka beliau tidak dibenarkan memberi keterangan di dalam sumpah. Natijahnya adalah beliau akan memberi keterangan tanpa sumpah. Implikasinya menyebabkan keterangannya perlu disokong oleh keterangan yang lain seperti keterangan daripada cikgu atau pegawai perubatan sebelum sabitan boleh dibuat terhadap orang kena tuduh. Jika mahkamah memutuskan bahawa seseorang kanak-kanak hanya layak untuk memberi keterangan tanpa sumpah, maka seksyen 133A akan terpakai.

Antara lain, seksyen 133A Akta Keterangan 1950 (Akta 56) menyebut jika di dalam suatu prosiding, seseorang kanak-kanak yang masih muda yang dipanggil sebagai saksi adalah pada pendapat mahkamah tidak faham apa sebenarnya suatu sumpah itu, keterangannya boleh diterima walaupun tidak mengangkat sumpah, sekiranya beliau mempunyai kecerdasan akal yang mencukupi dan beliau memahami kewajipannya bercakap benar. Namun begitu, tertuduh tidak boleh disabitkan atas kesalahan itu melainkan jika keterangan itu disokong dengan keterangan material yang lain yang menyokong

keterangan tersebut. Prinsip ini digunakan oleh pihak mahkamah di dalam kes Pendakwaraya v. Mohd Noor Abdullah [1992] 1CLJ 702. Prinsip keterangan ini menyebabkan agak sukar untuk kes yang berkaitan kanak-kanak dan gangguan seksual di bawa ke mahkamah dan disabitkan sekiranya keterangan dan bukti tidak mencukupi dan tidak disokong dengan material yang lain.

Seksyen 509 Kanun Keseksualan	mengeluarkan perkataan atau isyarat yang bertujuan menghina maruah seseorang. Sabit kesalahan, pelaku boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 5 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.
Seksyen 377D Kanun Keseksualan	melakukan penghinaan terhadap kesopanan. Sabit kesalahan, pelaku boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 2 tahun.
Seksyen 377C Kanun Keseksualan	Kanun Keseksualan hukuman meliwat
Seksyen 377E Kanun Keseksualan	melakukan kelucuan melampau .sabit kesalahan, hukuman penjara maksimum 15 tahun dan sebat.

Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) mula berkuatkuasa pada 1 Ogos 2002 digubal bertujuan menyelaraskan semua undang-undang berkaitan dengan kanak-kanak. Ia telah memansuhkan tiga statut iaitu Akta Mahkhamah Juvana 1947, akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 dan akta Perlindungan Wanita & Gadis 1973. Antara lain akta ini memberi perlindungan dan pemeliharaan kepada kanak-kanak yang telah atau besar kemungkinan akan dicederakan dari segi fizikal, emosi atau seks oleh ibubapa, penjaga atau seseorang anggota keluarga **luanya** (section 17(1)(a) Akta 611). Akta ini juga memelihara kanak-kanak tersebut sekiranya ibubapa atau penjaga telah tidak melindunginya atau tidak melindungi kanak-kanak itu daripada penganiayaan sedemikian (seksyen 17(1)(b) Akta 611). Skop Akta ini merangkumi bukan sahaja penganiayaan dari sudut fizikal, emosi dan seksual seperti yang termaktub di bawah seksyen 17(2)(2) Akta 611 malah kanak-kanak tersebut juga dilindungi dari penganiayaan dalam bentuk pengabaian (seksyen 17(1)(c), (d), (f), (g), (k) Akta 611). Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 (Akta 792) telah digubal dan berkuatkuasa pada 10 Julai 2017 untuk menangani kesalahan seksual terhadap kanak-kanak. Penggubalan akta ini bertujuan untuk memberi perlindungan yang lebih jitu kepada kanak-kanak di atas kesalahan yang melibatkan kesalahan jenayah seksual, menjaga kebijakan kanak-kanak tersebut, mengadakan pencegahan yang berkesan bagi kesalahan yang melibatkan seksual terhadap kanak-kanak dan urus tadbir keadilan bagi kanak-kanak tersebut. Akta ini disokong dengan penubuhan Mahkamah Jenayah Seksual pada 22 Jun 2017 dan penggubalan Garis Panduan Khas untuk mengendalikan kesalahan seksual terhadap Kanak-kanak. Garis panduan khas ini antara lain disediakan untuk memastikan setiap laporan siasatan berkenaan kesalahan jenayah seksual kanak-kanak dikendalikan dengan betul dan beretika. Garis panduan ini juga memastikan perbicaraan dilakukan di dalam suasana yang mesra kanak-kanak, secara tertutup (*in camera*) dan tiada identiti kanak-kanak didedahkan pada umum. Penggunaan akta ini lebih luas dan kemas kerana ia mengawal selia pelbagai kesalah jenayah merangkumi kesalahan jenayah seksual berkenaan pornografi (Bahagian 11, Akta 792), kesalahan seksual berkenaan **pengaturan** kanak-kanak (Bahagian III, Akta 792) dan kesalahan yang berhubung dengan amang seksual samaada secara fizikal atau bukan fizikal (Bahagian IV, Akta 792). Individu yang didapati bersalah melakukan perbuatan seksual terhadap kanak berumur di abawh usia 18 tahun boleh dipenjarakan sehingga 20 tahun dan boleh dihukum sebat. Berkenaan keterangan kanak-kanak di mahkamah, penggubalan akta ini telah memberi sirna keadilan dengan penggubalan beberapa peruntukan berkenaan keterangan kanak-kanak di mahkamah. Seksyen 17 Akta Kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 (Akta 792) menyatakan berkenaan aggapan keupayaan saksi kanak-kanak. Antara lain, peruntukan ini menyebut sekiranya mangsa itu ialah kanak-kanak, seseorang kanak-kanak adalah dianggap kompeten untuk memberi keterangan melainkan mahkamah berpendapat sebaliknya. Seksyen 18 (Akta 792) juga menyatakan dalam mana-mana prosiding berhubung kesalahan di bawah Akta ini, sekiranya seseorang mangsa ialah kanak-kanak, mahkamah boleh mensabitkan orang itu bagi kesalahan itu berasaskan keterangan tanpa sokongan seseorang kanak-kanak, yang diberikan dengan sumpah atau selainnya. Dengan tergubalnya Akta ini, dapat kita simpulkan bahawa kerajaan memandang serius kes-kes seksual yang melibatkan kanak-kanak dan beban pembuktian untuk kes dibawa ke mahkhamah dan akhirnya disabitkan adalah lebih ringan.

Seksyen 11 Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 (Akta 792)	Berkomunikasi secara seksual dengan kanak-kanak atau menggalakkan seseorang kanak-kanak itu untuk berkomunikasi secara seksual.
Seksyen 13 Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 (Akta 792)	Berjumpa kanak-kanak selepas pengantunan
Seksyen 14(a) Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 (Akta 792)	Dengan maksud seksual, menyentuh mana-mana bahagian seseorang kanak-kanak
Seksyen 14(b) Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 (Akta 792)	Dengan maksud seksual, membuat kanak-kanak menyentuh mana-mana bahagian badan orang itu atau orang lain.
Seksyen 14(c) Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 (Akta 792)	Membuat kanak-kanak menyentuh bahagian badan kanak-kanak itu sendiri
Seksyen 14(d) Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 (Akta 792)	Melakukan apa-apa perbuatan lain yang melibatkan kontak fizikal dengan seseorang kanak-kanak tanpa persetujuan
Seksyen 15 Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 (Akta 792)	Amang seksual bukan fizikal ke atas kanak-kanak

Di dalam kes Dabal bin Anding @Dabal Dharu lwn PP (1994) 2 CLJ383, pihak tertuduh telah dituduh melakukan kesalahan jenayah ke atas murid 8 tahun dengan niat untuk mencabul kehormatan di bawah S. 354 Kanun Keseksaan. Tertuduh merupakan seorang cikgu di Sekolah Rendah Tanjung Batu Darat, Tawau Sabah. Pihak tertuduh didapati mengarahkan mangsa untuk kekal di dalam kelas, manakala pelajar lain di arah untuk ke padang bagi mengikuti pelajaran pendidikan jasmani. Tertuduh kemudian telah membuka seluar dalam mangsa dan menggesel alat sulit beliau ke atas alat sulit mangsa. Kejadian ini telah dilakukan sebanyak 5 kali. Mahkamah telah memutuskan tuduhan ke atas pihak tertuduh tidak bersalah kerana pihak mangsa gagal memberi keterangan berkenaan lokasi kejadian. Mahkamah memutuskan keterangan kanak-kanak perlu disokong oleh keterangan yang lain memandangkan mangsa masih lagi kecil dan tidak mempunyai kecerdasan yang mencukupi untuk mensabitkan kesalahan melalui keterangannya. Di dalam kes Mohd Yusof Rahmat lwn PP [2009] 2 CLJ 673, tertuduh telah dituduh merogol seorang mangsa yang berumur 5 tahun di sebuah bilik ditingkat atas di dalam rumah kediaman tertuduh. Mangsa merupakan pelajar sebuah tadika yang dikendalikan oleh isteri tertuduh beroperasi di tingkat bawah rumah tersebut. Mangsa di dalam kes ini menyatakan pihak tertuduh telah meletakkan “ular” nya di dalam “em-em” mangsa. Mahkamah telah memutuskan fakta yang diberikan oleh pihak pendakwa tidak mencukupi untuk menyokong dakwaan mangsa bahawa tertuduh yang merogol mangsa. Antara lain tidak terdapat pengecaman fizikal tertuduh dan tiada perbarisan cam dilakukan selepas penangkapan tertuduh. Memandangkan mangsa masih kecil, keterangan yang berasingan dan keterangan sokongan adalah diperlukan untuk menyokong tuduhan yang dibuat oleh mangsa. Kes Abdul Majid b. Ahmad lwn Pendakwa Raya [2019] 1 LNS 1107 turut membincangkan soal penerimaan keterangan kanak-kanak di dalam prosiding. Tertuduh di dalam kes ini dituduh dibawah seksyen 354 Kanun Keseksaan kerana melakukan kekerasan jenayah dengan niat untuk mencabul kehormatan mangsa yang berumur 14 tahun. Perbuatan itu dilakukan di dalam kelas bahasa Inggeris kendalian tertuduh. Tertuduh telah dituduh memegang bahagian peha, mengusap peha kiri, meraba dan mengusap bahagian kemaluhan dan meraba payudara dengan membuat gerakan tangan seperti menggunting. Dalam kes ini mahkamah memutuskan keterangan mangsa telah disokong oleh saksi yang turut melihat kejadian tersebut. Mahkamah berpandangan pengaduan mangsa dan kenyataan saksi adalah keterangan yang boleh diterima di bawah Akta Keterangan 1950 dan bukan saksi kanak-kanak yang sangat mentah. Pada masa yang sama, keterangan bersumpah ini diberikan selepas inkuiiri diadakan.

Selain daripada itu, menurut laporan akhbar Utusan Online seorang guru matematik yang juga merupakan guru penolong kanan Hal Ehwal Murid dari Sekolah Rendah Di Sungai Menyan, Serian berdepan 14 pertuduhan yang dilakukan ke atas lima murid lelaki yang berusia di antara 10 dan 12 tahun. Antara pertuduhan yang dikenakan adalah 3 pertuduhan memaksa murid lelaki melakukan seks oral, di mana dakwaan di bawah Seksyen 377B Kanun Keseksaan, tiga pertuduhan melakukan keluahan melampau yang didakwa di bawah Seksyen 377E Kanun Keseksaan dan 8 pertuduhan

mencabul di bawah Seksyen 14(a) Akta Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Gustie Nooram, S. ,2017). Walaupun terdapat penurunan kes gangguan seksual di sekolah di sekitar Kuala Lumpur dilaporkan menurun iaitu hanya sebanyak 8.3 peratus (186) kes berbanding 203 kes yang dilaporkan pada tahun 2018, di mana kes tertinggi melibatkan pelajar berusia 13 ke 16 tahun.(berita.rtm.gov.my), trend kes jenayah seksual kanak-kanak di Selangor dilihat meningkat sebanyak 46 kes menjadikan jumlah kes yang dilaporkan sebanyak 333 berbanding 287 kes pada tahun 2017. Menurut laporan lagi mangsa 75.5 peratus kes dikenali mangsa manakala 24.4 peratus tidak mengenali mangsa (Zaini, S. M ,2018). Sebagai tambahan, menurut Mohamed (2015) di dalam kajiannya ke atas beberapa buah sekolah menengah di mana seramai 200 responden terdiri daripada pelajar sekolah menengah, guru dan staf pentadbiran dijalankan mendapati lebih daripada 50 peratus pelajar pernah mengalami gangguan seksual.

Penutup

Kes gangguan seksual dalam kalangan pelajar sekolah perlu dilihat secara serius oleh semua pihak, bukan sahaja pihak sekolah dan kementerian, tetapi juga ibu bapa, PIBG, komuniti dan masyarakat sekeliling. Kebanyakan pelajar yang menjadi mangsa gangguan seksual tidak berani untuk tampil ke depan dan mengadu berkenaan gangguan yang mereka alami, atau dengan lebih tepat lagi mereka masih tidak mengerti bahawa tindakan yang diperlakukan ke atas mereka itu adalah tindakan yang salah. Oleh yang demikian, semua pihak perlu bekerjasama bagi memberi pendedahan kepada pelajar sekolah berkenaan pendidikan awal gangguan seksual. Didikan seperti menggalakkan pelajar untuk mengadu sebarang ketidaksesuaian gangguan yang mereka alami juga salah satu cara bagi membendung kes gangguan seksual ini. Selain itu, di antara usaha yang dilakukan oleh kerajaan di dalam mengurangkan kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak di Malaysia adalah dengan melancarkan video pendidikan seks untuk kenak-kanak yang dipaparkan di medium digital Youtube. Ia mendapat kerjasama NGO Malaysian Against Pornography dan Google di mana penekanan diberikan untuk memberi pendidikan kepada kanak-kanak bentuk-bentuk gangguan seksual yang mungkin boleh berlaku kepada mereka.

Rujukan

- Abdul Majid b. Ahmad lwn Pendakwa Raya [2019] 1 LNS 1107
Akta Kanak-Kanak 2011 (Akta 611)
Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 (Akta 792)
Dabal bin Anding @ Dabal Dharu lwn PP (1994) 2 CLJ 383
Gustie Nooram, S. (2017, Oktober 10). *Guru Dituduh 14 Gangguan Seksual* retrieved from
<https://www.utusan.com.my/berita/mahkamah/guru-dituduh-14-gangguan-seksual-1.535961>
Kanun Keseksaaan (Akta 574)
Koh Abdullah, R. A (2009, Mac 1). *Gangguan Seksual Punca Kemurungan Kanak-Kanak* retrieved from
<https://www.utusan.com.my/mega/kesihatan/gangguan-seksual-punca-kemurungan-kanak-kanak-1.262163>
Media Baru. (2019, September 25). *Kes Gangguan Seksual Pelajar Sekolah di Kuala Lumpur Menurun.* Nasional. Retrieved from <https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/16160-kes-gangguan-seksual-pelajar-sekolah-di-kuala-lumpur-menurun>
Mohamed, A. A. (2015). Sexual harassment in Malaysian educational institutions: Causes and solutions. International E-Journal of Advances in Social Sciences, 1(1), 17-26.
Mohd Yusof Rahmat lwn PP [2009] 2 CLJ 673
Sabitha, M., & Rusimah, S. (2000). *Persepsi Gangguan Seksual Di Institusi Pendidikan: Kejadian Dan Strategi Penyelesaian.* University Utara Malaysia.
Thambapillay, S. (2002). Akta Kanak-Kanak 2001. *Journal of Malaysian and Comparative Law*, 29, 1-19.
Zaini, S. M (2018, November 9). *75.5 Peratus Suspek Jenayah Seksual Dikenali Mangsa.* Retrieved from
<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/11/496181/755-peratus-suspek-jenayah-seksual-dikenali-mangsa>